

## SIMBOLISME SAINS DALAM WAHYU KESERASIAN ANTARA AYAT MAQRU'AH DENGAN AYAT MANZURAH<sup>1</sup>

RAMLI AWANG\*

**Abstrak.** Makro kosmos atau alam semesta merupakan Kitab Allah [wahyu Allah] yang bersifat *kawni*. Dalam lain perkataan ia dikenali sebagai ayat-ayat *al-kawniyah* [*ayatullah al-kawniyyah*]. Mikro kosmos pula ialah ayat-ayat Allah yang bersifat *qur'ani* [yang dibaca] dan ia merupakan pasangan kepada makro kosmos. Ayat-ayat yang bersifat *qur'ani* adalah sebagai panduan untuk manusia meneroka ayat-ayat *al-kawniyyah*. Kedua-dua ayat ini sama sekali tiada pertentangan bahkan saling membenarkan dan berkaitan. Ayat-ayat quran ditafsirkan oleh ayat quran yang lain, begitu juga dengan *ayat al-kawni*, ia juga saling ditafsirkan oleh *ayat kawni* yang lain. Selain daripada itu *ayat kawni* juga menjadi pentafsir kepada *ayat qur'ani*. Tegasnya kedua-dua ayat Allah tersebut saling mentafsirkan antara sesamanya. Kedua-duanya ada sifat simbolis yang unik lagi tersendiri; masing-masing saling memperkukuhkan antara sesamanya dalam ruang dan peranan yang berbeza. Kertas ini bertujuan mendedahkan keserasian ciptaan Allah yang terdapat pada ayat-ayat-Nya dalam rangka memperlihatkan sifat keesaan dan keagungan-Nya supaya hamba-hamba-Nya benar-benar mengabdikan diri kepada-Nya; serta meninjau *khutab* Quran yang ditujukan kepada mereka yang berakal untuk memahami kaitan ayat *manzurah* dengan *maqr'u'ah* secara simbolis.

### 1.0 PENDAHULUAN

Perkataan alam tersusun daripada rangkai kata [*'ayn, lam* dan *mim*] – dibaca 'alam [dari istilah bahasa Arab]. Perkataan ini membawa banyak pengertian. Antaranya seperti berikut:

- (a) '*alamun* yang kata *pluralnya a'lamun*: bendera.
- (b) '*alamun*: sesuatu yang dicacak sebagai tanda.
- (c) '*alamun*: dengan makna makrifat – iaitu pengenalan.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Maksud dengan ayat-ayat maqr'u'ah ialah ayat-ayat Quran yang ditanzilkan dan dibaca. Ia terdiri daripada seratus empat belas surah dengan ayat berjumlah 6236 kesemuanya, demikian menurut ulama Kufah dari Imam Ali bin Abi Talib. Lihat dalam tulisan Ramli Awang "Perutusan Rasulullah s.a.w dan Ketulinan Akidah" dalam *Al-Risalah*, Majalah Jabatan Pendidikan Islam, FPPSM, UTM, Skudai, bil. 4 tahun 2, 1991/92, hlm. 3. Manakala ayat-ayat manzurah pula ialah ayat-ayat atau tanda-tanda kewujudan Allah yang terdapat dalam alam yang dapat dilihat dan dicerap dengan pancaindera.

<sup>2</sup> Al-Marbawi, *Qamus al-Marbawi*, 2 juzuk, Isa al-babi al-Halabi, Mesir, t.th, 2: 40.

\* Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, MALAYSIA.

- (d) Perkataan *al-'alamin* [*plural* dari kekata alam] disebut oleh Quran sebanyak 73 kali. Sekali dengan lafaz 'alamat iaitu pada surah *al-Nahl* 16: 16.

Perbincangan tentang alam sebagai *ayatullah* [tanda kewujudan Allah] yang dibaca dan dilihat melibatkan perbincangan tentang alam kosmos. Ia merupakan cetusan awal bagi lahirnya sains dalam Islam. Afzalur Rahman menulis:

*“Cosmology is the starting point of all sciences in Islam and it deals with the creation of the wonderful world of God, Who is One, both transcendent and immanent. “There is no deity but one God, and Muhammad is the Messenger of God”. This doctrine is the central theme of all scientific knowledge, because, “All the cosmos was created by the One God and, in spite of its vastness and hierarchies structure, reflects the Unity of God”.*<sup>3</sup>

Maksudnya:

*Kosmologi adalah titik permulaan kepada seluruh sains dalam Islam dan ia berhubungan dengan ciptaan dunia yang menakjubkan oleh Allah yang esa, keduanya agung dan kekal,<sup>4</sup> “Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan Muhammad pesuruh Allah”. Keyakinan ini merupakan tema pusat kepada seluruh ilmu sains, kerana, “Semua kosmos dicipta oleh Tuhan yang esa dan, meskipun dalam keluasan serta kepelbagaian susun atur alam ini, ia kembali kepada keesaan Tuhan].*

Mehdi Golshani menjelaskan antara lain bahawa ternyata dalam perspektif Quran, fenomena alam merupakan tanda-tanda [signs] kemahakuasaan Allah dan mana-mana pemahaman tentang alam tabii adalah kiasan [analogous] dengan pemahaman tanda-tanda yang membawa kita mencapai kesedaran tentang tanda-tanda wujudnya Tuhan. Selanjutnya beliau menulis:

*“From the Qur’anic viewpoint, understanding nature is not fruitful undertaking except when it helps us to understand the Wise Creator of this world and to attain close proximity to Him. Understanding nature can promote man’s insight towards the cognition of Allah and enables him to better utilize the gifts of Allah for his own eternal felicity and well-being”.*<sup>5</sup>

<sup>3</sup> Afzalur Rahman, *Quranic Science*, The Muslim Schools Trusts, London, 1981, hlm. 41. Lihat juga Shahibuddin Laming, *Cosmology in the Quran*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1993, hlm. vii.

<sup>4</sup> Kekalnya alam tertakluk kepada Allah sedang kekalnya Allah tidak tertakluk kepada makhluk.

<sup>5</sup> Mehdi Golshani, *The Holy Qur’an and the Sciences of Nature*, Islamic Propagation Organization, Tehran, 1986, hlm. 81-82.

Maksudnya:

*Menurut pandangan Quran, memahami alam tabii tidak menghasilkan apa-apa kecuali apabila ia membantu kita memahami kebijaksanaan Pencipta alam ini dan membawa kita semakin hampir kepada-Nya. Memahami alam tabii boleh membantu kesedaran manusia ke arah mengenal Allah dan membolehkannya memanfaatkan lebih baik pemberian Allah untuk kebahagiaan dan kelangsungan hidup yang baik.*

## 2.0 MAKSUD ALAM

Makna alam dari segi bahasa ialah suatu ibarat terhadap apa yang diketahui dengannya akan sesuatu. Menurut istilah pula ia adalah satu ibarat dari segala sesuatu selain Allah – dari *mawjudat* kerana kesemua itu diketahui oleh Allah darihal nama-namanya dan sifat-sifatnya.<sup>6</sup> Dikatakan juga alam itu adalah jenis-jenis makhluk atau seluruh makhluk. Kata al-Zujaj berhubungan dengan ayat “*al-hamdulillah rabbil ‘alamin*” – perkataan alam dalam ayat ini ialah *kullu ma khalaqallah* – iaitu segala apa yang diciptakan oleh Allah.<sup>7</sup>

Alam yang diciptakan Allah terlalu banyak dan tidak terkira oleh manusia, begitu juga tahap-tahapnya. Hanya Allah sahaja yang mengetahui. Bagaimanapun terdapat satu riwayat daripada Wahab bin Munabbih yang mengatakan bahawa Allah menciptakan 90,000 alam dan alam dunia ini adalah salah satu daripadanya.<sup>8</sup> Bila diertikan alam dengan makna tanda, atau pengenalan, maka ia juga bermakna sebagai satu isyarat atau dengan lain perkataan ia bermakna simbol [pengenalan]. Ungkapan ini bersamaan ertinya dengan wahyu.

## 3.0 PENGERTIAN WAHYU

Perkataan wahyu acap kali diulang sebut dalam Quran dalam berbagai konteks ayat:

–	awha	=	08 kali
–	awhaitu	=	01 kali
–	awhaina	=	24 kali
–	nuhi	=	04 kali
–	nuhihi	=	02 kali
–	nuhiha	=	01 kali
–	layuhuna	=	01 kali

<sup>6</sup> Takrif ini diberi oleh Al-Allamah Ali bin Muhammad al-Sharif al-Jurjani, *Kitab al-Ta'rifat*, Maktabah Lubnan, Beirut, 1969, hlm. 149.

<sup>7</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, 6 jilid, tahkik Abd Allah Ali al-Kabir *et al.*, Dar al-Mu'arif, Mesir, t.th., 3: 3085.

<sup>8</sup> Ibid.

– yuhi	=	04 kali
– fayuhiya	=	01 kali
– uhiya	=	11 kali
– yuha	=	01 kali [huruf ha' dipendekkan]
– yuha	=	14 kali [huruf ha' dipanjangkan]
– wahyun	=	02 kali
– wahyina	=	02 kali
– wahyuhu	=	01 kali

Kesemuanya berjumlah 80 kali.

Menurut al-Raghib al-Asfahani [m. 503H], asal wahyu bermakna isyarat yang cepat dan [sesuatu yang] mengandung kecepatan.<sup>9</sup> Wahyu mempunyai pengertian yang banyak seperti *al-isyarat*, *al-kitabah* [tulisan], *al-risalah* [perutusan], *al-ilham*, *al-kalam al-khafiy* [percakapan atau bisikan tersembunyi], perintah atau suruhan [*al-amr*] dan setiap yang anda ‘campakkan’ kepada selain anda.

(a) **Wahyu dengan makna isyarat.** Ini disebut dalam surah Maryam 19: 11.

*“Maka ia pun [Nabi Allah Zakariya] keluar kepada kaumnya dari Mihrab [tempat sembahyangnya]; lalu memberi wahyu kepada mereka [kaumnya] – “hendaklah kamu bertasbih pagi dan petang”.*

Dalam ayat ini diungkapkan istilah “fa awha ilayhim” [maka ia memberi wahyu kepada mereka]. Maksudnya Nabi Allah Zakariya memberi isyarat kepada kaumnya.

(b) **Wahyu dengan makna kitabah** [tulisan] seperti ungkapan penyair bernama Labid seperti berikut:

*“famadafi’u al-rayyani ‘ura rasmuha, khalagan kama dumin al wuhiyya silamuha”.*  
Maksudnya ialah apa yang ditulis di atas batu-batan dan dibincangkan.<sup>10</sup>

(c) **Wahyu dengan pengertian risalah** [perutusan]. Quran surah al-Kahfi 18: 27 menyebut:

*“Dan bacalah apa yang diwahyukan kepada kamu dari Kitab Tuhanmu”.*

<sup>9</sup> Al-Raghib al-Asfahani, *Mu’jam mufradat al-faz al-Qur’an*, tahkik Ibrahim Shamsuddin, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut, 1997, hlm. 586.

<sup>10</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, 6: 4787.

Ungkapan “utlu ma uhiya ilyka min kitabi rabbika” itu ialah yang diutuskan Tuhan atau perutusan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w; iaitu Quran.

- (d) **Wahyu dengan makna ilham.** Ini dinyatakan dalam surah al-Nahl 16: 68.

*“Dan Tuhanmu telah memberi wahyu kepada lebah..”. Maksud perkataan wahyu di sini ialah ilham. Berhubung dengan perkara ini Yusuf Ali menjelaskan seperti berikut: “Awha: wahyun ordinarily means inspiration, the Message put into the mind or heart by God. Here the Bee’s instinct referred to God’s teaching, which it undoubtedly is”.*<sup>11</sup>

- (e) **Wahyu dengan makna perintah** [suruhan]. Ini disebut dalam surah al-Zalzalah 99: 5:

*“Pada hari itu bumi pun memberitahu khabar beritanya, bahawa Tuhanmu telah mewahyukannya”.*

Maksud perkataan *awhalaha* di sini ialah Tuhan telah memerintahkan bumi agar berbuat demikian.

- (f) **Bisikan tersembunyi.** Makna ini dinyatakan dalam surah al-An’am 6: 121:

*“Dan syaitan-syaitan itu mewahyukan kepada para pengikutnya, supaya mereka membantah kamu...”*

Perkataan *‘layuhuna’* di sini bermakna membisikkan, iaitu bisikan para syaitan kepada manusia bagi menentang perintah bawaan Nabi s.a.w.

- (g) **Mencampakkan ‘sesuatu’** [ilham] ke dalam hati. Ini dinyatakan dalam surah al-Qasas 28: 7:

*“Dan Kami wahyukan kepada Ibu [Nabi] Musa...”*

Perkataan *‘awhaina’* [Kami wahyukan] di sini bermakna mencampakkan [ilham] ke dalam hati ibu Nabi Allah Musa a.s.

<sup>11</sup> A. Yusuf Ali, *The Holy Qur’an Text, Translation and Commentary*, Amana Corp, Maryland, 1983, hlm. 674, catatan kaki no. 2097.

### 3.1 Wahyu Umum dan Wahyu Khusus

Perkataan wahyu mempunyai erti umum dan khusus. Pengertiannya yang bersifat umum dipakai untuk beberapa macam aktiviti pemberitahuan yang tersembunyi lagi khusus. Antara bentuk-bentuk wahyu ini ialah *al-rukya al-sadiqah* [mimpi yang benar], bisikan dalam hati, ilham dan percakapan yang disampaikan oleh Malaikat. Selain daripada ertinya yang umum wahyu juga mempunyai erti yang khusus, iaitu ‘percakapan’ Allah dengan salah satu bentuk yang tiga macam seperti dalam firman-Nya:

*“Dan tidak layak bagi seseorang manusia bahawa Allah berkata-kata dengannya kecuali dengan jalan wahyu [dengan diberi ilham atau mimpi yang benar], atau dari sebalik dinding [tabir – dengan mendengar suara sahaja] atau dengan mengutuskan utusan [Malaikat] lalu utusan itu menyampaikan wahyu kepadanya dengan izin Allah akan apa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana”.*  
[al-Syura 42: 51]

Selain daripada tiga bentuk wahyu yang dinyatakan dalam ayat di atas, wahyu-wahyu dalam pengertian yang lain tidak dianggap sebagai *kalamullah al-tashri’* – iaitu firman-firman Allah yang bersifat hukum perundangan. Adapun bentuk mimpi yang benar dan ilham, hal ini termasuk bentuk wahyu yang pernah terjadi dan akan tetap terjadi bagi selain para Nabi.<sup>12</sup> Bagaimanapun ia tidak menjadi syariat kerana syariat telahpun sempurna dengan berakhirnya perutusan Nabi Muhammad s.a.w.

Daripada keterangan tersebut dapat diperkembangkan pengertian wahyu itu sebagai ‘suatu kaedah penyaluran maklumat’ dari yang mewahyukan kepada yang diwahyukan. Allah adalah yang mewahyukan dan Nabi adalah yang menerima wahyu. Sementara wahyu itu sendiri berbentuk isyarat, ilham, bisikan ghaib dan boleh juga berbentuk percakapan secara tersembunyi. Kekata wahyu juga dengan makna tulisan yang dibaca seperti Kitab-kitab Samawi dinamakan sebagai wahyu yang bertulis.

Bentuk wahyu itu juga kalau diperhatikan, ternyata ia berupa simbol. Tulisan, bahasa isyarat, papan tanda adalah simbol-simbol tanpa suara yang berfungsi untuk memberikan kefahaman kepada seseorang. Justeru isyarat dan apa jua maklumat yang datang daripada Allah untuk sampainya maklumat itu kepada sasarannya merupakan bentuk-bentuk wahyu membuktikan kewujudan Allah sebagai pemberi wahyu. Tuhan yang ‘transcendent’ tentunya tidak menyerupai apa jua jenis makhluk, oleh itu wasilah bukti wujud Allah itu diketahui menerusi wahyu. Suara yang didengar, Malaikat yang berupa manusia dan yang membacakan wahyu kepada Nabi dengan

<sup>12</sup> Muhammad Rasyid Rida, *Wahyu Ilahi kepada Muhammad*, Terjemahan J. Saifudaulah al-Firdausy, Pustaka Nasional, Singapura, 1983, hlm. 55.

bahasa tertentu, atau ilham yang disampaikan kepada Nabi merupakan simbol-simbol wahyu dari Tuhan. Simbol-simbol itu sendiri bukan wahyu.

#### 4.0 SIMBOLISME

Kekata simbol berasal daripada kata Yunani 'symbolon' yang bermakna 'tanda pengenal', 'lencana' atau 'semboyan'. 'Symbolon' di Yunani dipakai sebagai bukti identiti. Untuk mengikat persahabatan, sebuah batu atau mata wang dibelah, sehingga pemegang setiap bahagian tersebut memiliki bukti konkrit dari persahabatan mereka. 'Symbolon' menghubungkan dua orang, merupakan tanda nyata dari sesuatu yang tidak kelihatan: perkahwinan, persahabatan, perjanjian atau percaya mempercayai. Kata Jerman 'chiffer' berasal dari kata Arab 'sifr' yang merupakan terjemahan dari kata Sanskrit 'sunya'<sup>13</sup> yang bermakna 'kosong' atau 'kekosongan'. Kata 'sifr' masuk ke dunia Eropah bersama algebra Arab dan telah mendapat erti 'angka', 'kod' dan 'tanda rahsia'. 'Chiffer-chiffer' itu adalah tanda-tanda rahsia yang ditulis oleh keTuhanan dan yang mula-mula masih tanpa erti. Pengertian 'chiffer-chiffer' itu harus dicari oleh manusia sendiri.<sup>14</sup>

Salah seorang filosofer Eksistensialisme abad ke-20, Karl Jaspers [1883-1969] yang bermazhab Protestant yang percayakan wujud Tuhan<sup>15</sup> antara lain menyebut bahawa simbol itu sebagai kod dan tanda rahsia. Menurutnya segala sesuatu berbicara tentang Allah dan interpretasi dari dunia sebagai satu teks tidak hanya terdapat dalam satu buku suci atau hanya dalam satu agama.<sup>16</sup>

#### 5.0 WAHYU SEBAGAI SIMBOL

Sebagaimana yang telah dijelaskan istilah wahyu antara lain bermakna simbol atau isyarat yang datang daripada Tuhan untuk hamba-Nya dan makhluk-Nya. Di sana ada dua bentuk wahyu:

- (a) Wahyu dalam sifatnya dan pengertiannya sebagai Kitab yang tertulis seperti Kitab Suci Quran dan Kitab-kitab Samawi yang lain.
- (b) Wahyu bersifat alam nyata. Ia merupakan Kitab Allah yang terbuka untuk dikaji dan dianalisis.

<sup>13</sup> Dalam bahasa Melayu, istilah ini berubah menjadi 'sunyi' iaitu tiada apa-apa yang didengar atau kosong dari apa-apa.

<sup>14</sup> M. Sastrapratedja [editor], *Manusia Multi Dimensional Sebuah Renungan Filsafat*, Penerbit PT Gramedia, Jakarta, 1983, hlm. 55.

<sup>15</sup> Wallace I Matson, *A New History of Philosophy*, 2 vol. Harcourt Brace Jovanovich, Inc, San Diego, 1987, 2: 465.

<sup>16</sup> M. Sastrapratedja, *Manusia Multi Dimensional*, hlm. 55.

Sayed Hossein Nasr menyebut:

*“Akhirnya alam tabii juga boleh dikaji sebagai sebuah ‘kitab’ simbol-simbol atau sebagai ikon yang direnungi ke dalamnya pada satu-satu peringkat perjalanan rohani atau sebagai sebuah gua dari mana seorang arif harus membebaskan dirinya bagi mencapai kebebasan dan pencahayaan yang abadi, seperti yang ditunjukkan dalam penulisan-penulisan golongan Isyraqi dan Sufi seperti Suhrawardi dan Ibn Arabi. Lebih daripada itu, kesemua cara dan matlamat yang berlainan dalam kajian Alam Tabii itu kadang-kadang dilapiskan antara satu sama lain dalam karya seseorang penulis terutamanya dalam tamadun Islam. Simbol yang digunakan bagi menafsir dan memahami alam tabii bergantung rapat kepada bentuk Wahyu atau Idea Utama yang kukuh dalam suatu tamadun. Ahli masyarakat tamadun tertentu akan memilih satu set simbol tertentu untuk dikuduskan dan dibezakan dengan simbol lain yang terdapat dalam tabii kejadian umumnya”.*<sup>17</sup>

Frithjof Schoun dalam *Gnosis Divine Wisdom* menyebut antara lain bahawa sains simbol bukan hanya pengetahuan mengenai simbol yang bertolak daripada kepentingan nilai [quality] terhadap jawhar, bentuk, arah, nombor, fenomena tabii, ikatan, gerak, warna dan lain-lain sifat atau kedudukan sesuatu benda; kita bukannya memperkatakan tentang penghayatan subjektif kerana nilai kosmik dimartabatkan berdasarkan perhubungannya dengan Wujud [Allah] dan juga menurut satu hierarki adalah bebas daripada cita rasa kita malah ia, menentukan di mana kita juga hidup dalam wujud; kita akur dengan nilai kerana kita sendiri bersifat kualitatif.<sup>18</sup>

Dalam ajaran Islam wahyu mengambil bentuk sebuah Kitab Suci, simbol huruf mempunyai kepentingan yang khusus. Quran pula sering menyebut alam semesta sebagai sebuah kitab yang bersifat ‘makro kosmos’ dan pasangan kepada Quran sendiri yang diibaratkan ‘mikro kosmos’.

Kenyataan bahawa wahyu sebagai suatu simbol dapat kita perhatikan dari riwayat al-Bukhari dalam *Sahihnya bab kayfa bada’a al-wahy ila Rasulallah sallallahu alayhi wasallam*<sup>19</sup> [bab bagaimana permulaan wahyu diturunkan kepada Rasulallah s.a.w]:

- (a) Kadang-kadang wahyu itu datang kepadaku [Nabi s.a.w] kedengaran seperti bunyi loceng. Itulah yang sangat berat bagiku. Setelah bunyi itu berhenti, lantas aku mengerti apa yang dikatakan.

<sup>17</sup> Sayed Hossein Nasr, *Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam*, terjemahan Baharuddin Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. Xxvii.

<sup>18</sup> Ibid., hlm. xxviii – catatan kaki.

<sup>19</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari bi Hasyiah al-Sindi*, 4 juzuk, Dar al-Fikr, Beirut, t.th., 1: 5-6.



- (b) Kadang-kadang Malaikat menjelma seperti seorang lelaki datang kepadaku [Nabi s.a.w]. Dia berbicara kepadaku dan aku mengerti apa yang dikatakan.
- (c) Dari Aisyah katanya: Wahyu yang pertama turun kepada Rasulullah s.a.w ialah berupa mimpi yang benar [al-ru'ya al-sahihah], waktu baginda tidur, biasanya mimpi itu terlihat jelas oleh baginda seperti cahaya pagi [waktu subuh].

Nyatalah bahawa bunyi loceng itu sebenarnya simbol. Bunyi itu sendiri bukanlah wahyu. Begitu juga Malaikat berupa seorang lelaki yang berbicara kepada baginda adalah simbol. Pembicaraan itu sendiri bukanlah wahyu melainkan ia adalah bahasa semata-mata, sementara mimpi yang dilihat Nabi s.a.w seperti cahaya sinar waktu subuh bukanlah wahyu, bahkan sebagai simbol wahyu yang disampaikan Tuhan dan Rasulullah s.a.w mengerti sesudah diberikan simbol-simbol wahyu itu.

Tegasnya di sini sifat dan cara datangnya wahyu berupa simbol pernyataan Tuhan dan Tuhan itu sendiri tidak kelihatan serta tidak bersimbol [*laysa kamithlihi sya'un – tidak ada yang menyerupai-Nya sesuatu juapun*]. Antara simbol dan yang disimbolkan serta maksud dari simbol itu masing-masing berbeza. Apa yang penting dari simbol itu ialah 'sampainya pengertian'. Justeru pengertian itu merupakan rahsia yang ada di sebalik simbol dan rahsia itu adalah tafsiran yang benar dari simbol-simbol itu dan haruslah dicari. Simbol sifatnya memberi petunjuk kepada yang 'transcend' atau lebih tinggi. Simbol-simbol keTuhanan terdapat dalam alam yang diciptakan-Nya. Semua itu bila diselidiki akan membawa kepada hadirnya Ilahi dalam kesedaran para pengkajinya.

## 6.0 TUJUAN PENCIPTAAN ALAM

Berdasarkan keterangan Quran, kita mendapat kepastian bahawa kejadian alam ini mempunyai tujuan dan matlamat. Dengan maksud lain kejadian alam dan penciptaannya ini tidaklah sia-sia. Quran menegaskan:

*“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda [kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah] bagi orang-orang yang berakal. Iaitu orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi [sambil berkata]: “Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka”. [Ali Imran 3: 191]*

Dalam ayat lain diperincikan lagi bahawa kejadian-kejadian yang ada di antara langit dan bumi juga adalah benar, bukan batil. Quran menjelaskan:

*“Dan tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya [sebagai] batil [tidak mengandung hikmah dan keadilan]; yang demikian adalah sangkaan orang-orang yang kafir. Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang kafir itu dari azab neraka”. [Sad 38:27]*

## 7.0 SIMBOLISME ALAM

Seperti mana yang dijelaskan bahawa alam ini antara lain bersifat wahyu Allah yang dapat dilihat atau tanda-tanda kekuasaan Allah yang dapat dilihat [ayat manzurah]. Kalau ayat-ayat Allah yang dapat dibaca [ayat maqru’ah] merupakan wahyu Allah yang berupa kitab bacaan, maka alam semesta juga merupakan wahyu Allah yang dapat disaksikan. Sifat wahyu Allah yang dapat disaksikan ini antara lain menyamai aspek-aspek ‘simbol’ ayat-ayat Allah yang dibaca, kerana wahyu yang datang kepada Nabi s.a.w itu berbentuk simbolik kerana hakikat bunyi loceng, mimpi yang benar dan kedatangan Malaikat berupa manusia yang berbicara kepada baginda bukanlah wahyu. Alam berupa kitab Allah yang terbuka juga bersifat wahyu dan mempunyai simbol tersendiri. Ia perlu dikaji dan dicari hakikatnya oleh manusia bagi mendapatkan rahsia serta kunci kebenaran yang Maha Benar.

Dalam wahyu atau Kitab Allah yang terbuka ini banyak diperkatakan nama-nama alam serta fenomenanya. Semua ini bersifat petunjuk, tanda simbol-simbol yang bernilai saintifik kepada mereka yang mahu berfikir, berilmu, beriman dan menggunakan akal dalam menyelidikinya. Antara lain Allah menyebut nama-nama berikut: *al-sama’* [langit], *al-matar* [hujan], *al-najm* [bintang], *al-qamar* [bulan], *al-kawakib* [nama jenis bintang], *al-sahab* [awan], *al-nahr* [siang], *al-layl* [malam], *al-zar’u* [tanaman], *al-syams* [matahari], *al-nabat* [tumbuhan], *al-jabal* [bukit], *al-hadid* [besi], *al-an’am* [binatang ternak], *al-barr* [daratan], *al-bahr* [lautan], *al-’uyun* [mata air], *al-masabih* [lampu] dan *al-nur* [cahaya].

Di samping nama-nama yang disebutkan itu ada banyak lagi nama-nama alam yang tidak disebutkan di sini. Tegasnya Allah menyebut segala makhluk-Nya yang ada di alam ini adalah sebagai tanda atau bukti [burhan] atau hujah perihal kebesaran dan keagungan ciptaan-Nya. Berdasarkan kalimat ‘ayat’ [tanda] dengan berbagai perubahannya, yang diulang sebut sebanyak 382 kali<sup>20</sup> membuktikan betapa besarnya perhatian Quran terhadap fenomena alam bagi dibuat kajian oleh manusia khususnya yang beriman. Jumlah tersebut seperti berikut: kalimat *ayatihi* [plural – ayat-ayat-Nya] = 37 kali; *ayati* [plural – ayat-ayat-Ku] = 14 kali; *ayatiha* [plural – ayat-ayat-Nya] = 1 kali; *ayatina* [plural – ayat-ayat Kami] = 92 kali; *ayatika* [plural – ayat-ayat Engkau] = 3 kali, ayat [plural – tanda] = 148 kali, *ayatayn* [dua tanda] = 1 kali; *ayatuka* [plural – ayat-ayat Engkau] = 2 kali; *ayat* [singular – ayat atau tanda] = 84 kali.

<sup>20</sup> Lihat Muhammad Fu’ad Abd al-Baqi, *al-Mu’jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur’an*, Dar al-Fikr, Beirut, 1986, hlm. 103-108.

Keseluruhan ungkapan tersebut merujuk kepada tanda-tanda atau bukti yang dipaparkan Tuhan. Jelaslah bahawa ia merujuk kepada simbol-simbol dalam yang di sebaliknya ada rahsia bersifat sains untuk diterokai. Kenyataan ini lebih meyakinkan kita bilamana kalimat ayat itu sering dihubungkan dengan penggunaan akal fikiran atau meminta kesedaran daripada manusia yang tentunya berpunca kepada penggunaan akal fikiran.

Adalah diterima umum kepada mereka yang mahu berfikir bahawa Allah tidak mengungkapkan wahyu-Nya sama ada bersifat 'bacaan' atau 'penglihatan' [dalam bentuk alam nyata] secara sia-sia kerana ini bertentangan dengan sifat keagungan-Nya. Oleh itu sudah pasti setiap yang diungkapkan-Nya mengandungi makna yang tersendiri. Allah tidak mengungkapkan kalimat lebah, semut, air dari langit, bintang-bintang sebagai lampu perhiasan, bukit sebagai pasak yang mengimbangi kestabilan alam, air masin dan air tawar serta sebagainya atas sifatnya yang 'superficial' semata-mata kepada benda itu sahaja. Ini disebabkan kalau demikian ungapannya, memangnya manusia sedia mengetahui dan mengenali benda-benda tersebut. Kalaulah sekadar membentangkan nama-nama itu untuk dikenali sudah tentu nilai wahyu itu kurang bersifat mukjizat. Justeru itu tentunya lafaz-lafaz 'simbolis' ini ada tanda, isyarat dan petunjuk di sebaliknya. Jadi apa jua simbol yang dikemukakan Allah tidak lain kecuali memperlihatkan ketauhidan-Nya dan bertolak daripada asas tauhid inilah sahaja alam ini dapat difahami dan dikaji dengan benar.

## 8.0 KESERASIAN ALAM MANUSIA DAN ALAM LANGIT

Manusia merupakan kosmos kecil<sup>21</sup> dan sudah tentu mempunyai hubungan erat dengan kosmos yang lebih besar. Pengkajian terhadap kosmos ini membawa manusia kembali kepada titik mula tentang keesaan ilmu Allah dan seluruh alam ini berada di bawah perintah-Nya.<sup>22</sup> Kejadian segala makhluk tidak lain adalah untuk tunduk dan patuh kepada titah perintah-Nya dan mengabdikan diri kepada-Nya. Justeru makhluk itu berbagai-bagai maka bentuk-bentuk ubudiyah yang dilakukan oleh setiap makhluk itu pula berbeza. Perbezaan ini adalah lantaran sunnatullah yang berbeza antara setiap makhluk dengan makhluk yang lain. Walau bagaimanapun, masing-masing memberikan satu manifestasi pengabdian jua.

Kebanyakan cakerawala yang ada di jagat raya ini bergerak dalam ertikata berpusing pada paksinya yang tertentu. Bumi dengan paksinya, komet-komet, matahari dan cakerawala-cakerawala yang lain masing-masing berligar pada paksinya. Inilah tabii pusingan alam tinggi selaku kejadian Allah. Sifat pusingan ini pula berlaku kepada

<sup>21</sup> Lihat selanjutnya dalam Murtada Muttahari, *al-Mafhum al-Tawhidi lil Alam*, Mu'asasah al-Bi'thah, Tehran, t.th., hlm. 72-73.

<sup>22</sup> Lihat Shahibuddin Laming, *Cosmology in the Qur'an*, Nurin Enrerprise, Kuala Lumpur, 1993, hlm. vii.

alam lebih kecil iaitu manusia yang mengelilingi Kaabah. Pusingan alam langit dan manusia masing-masing mengambil arah ‘mengiri’ atau lawan jam. Tentunya ketetapan ini bukan terjadi secara tidak sengaja atau secara kebetulan malahan adalah ketentuan dari yang Maha Mengetahui.<sup>23</sup> Sebenarnya ketentuan ini tidak khusus kepada manusia ketika mengerjakan ibadat haji sahaja, malahan ketika permulaan kejadiannya pun manusia mengalami pusingan ‘tawaf’ yang serupa. Dr. Muhammad Ali Akbar mencatatkan:

*“...di dalam servik terdapat suatu alat saringan di mana sperma-sperma yang cacat dicegah daripada berenang. Hanya sperma-sperma sihat sahaja yang dibenarkan berenang dalam arus dan terusan yang dibentuk oleh rembesan-rembesan serviks. Sperma-sperma berenang secara berkumpulan di dalam setiap terusan, melepasi uterus dan seterusnya ke dalam tiub-tiub fallopio. Di dalam tiub fallopio, sperma-sperma tadi dikapasitaskan. Hanya beberapa ratus sahaja yang sampai ke penghujung tiub fallopio. Sel-sel tubuh yang terkecil [sperma] bertemu dengan sel tubuh yang terbesar [ovum]. Ovum mula berpusing secara perlahan-lahan seperti planet di angkasa lepas mengikut pusingan songsang jam, sepertimana elektron-elektron di sekeliling nukleus atom atau bumi mengelilingi Matahari”.*<sup>24</sup>

Jelas bahawa universe yang sebegini besar tetap mempunyai hubungan dengan alam yang kecil dan dapat ditegaskan di sini bahawa dalam apa jua keadaan pun Islam mengajarkan agar manusia mesti sentiasa bersahabat dengan alam lain ciptaan Allah. Mereka tidak boleh bermusuhan, kerana kejadiannya saling menyempurnakan dalam rangka sebuah hikmah kehidupan dan keharmonian yang lebih luas.

## 9.0 AYAT-AYAT KOSMOS DALAM DIRI MANUSIA

Allah mewahyukan di dalam Quran kepada Nabi s.a.w:

*“Dan pada bumi ada tanda-tanda [ayat-ayat yang membuktikan kekuasaan Allah], bagi [orang yang mahu mencapai pengetahuan] yang yakin. Dan dalam diri kamu sendiri apakah kamu tidak mahu melihat serta memikirkan [dalil-dalil dan bukti itu]”. [al-Dharyat 51: 21]*

*“Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda [ayat-ayat] kekuasaan Kami di merata tempat [dalam alam yang terbentang luas ini] dan dalam*

<sup>23</sup> Zakaria Awang Soh, *Kejadian dan Keadaan Alam Semesta*, Berita Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1990, hlm. 79.

<sup>24</sup> Muhammad Ali Akbar, *Perkembangan Manusia Menurut Al-Qur’an dan Hadith*, terjemahan Dr. Rusli Hj. Nordin, Crescent News Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1992, hlm. 60.

*diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas nyata kepada mereka kebenaran. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belum cukupkah [bagi mereka] bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?" [Fussilat 41: 53]*

Kalau kita rujuk kepada Sirah al-Rasul s.a.w selaku *insan kamil* dan penghubung alam langit dengan makhluk di bumi, terdapat beberapa tarikh penting yang perlu dicatat berhubung dengan perkara ini. Keenam-enam ini adalah peristiwa yang berlaku di bumi dan berlangsung dalam kehidupan Rasul mulia itu. Kita meyakini bahawa semua itu tidak berlaku secara kebetulan, malahan perencanaan Tuhan kepadanya kerana sepanjang kehidupan Nabi s.a.w., baginda sentiasa dibimbing menerusi wahyu dari langit. Perhatikan jadual di bawah:<sup>25</sup>

**Jadual 1** Peristiwa penting kehidupan Rasulullah (s.a.w)

Bil	Peristiwa	Tarikh
1	Nabi dilahirkan	12 Rabiuaawal <sup>26</sup>
2	Nabi Idulfitri	01 Syawal
3	Nabi Haji Akbar	09 Zulhijjah
4	Nabi Idul Adha	10 Zulhijjah
5	Nabi menerima wahyu pertama	17 Ramadan
6	Nabi Mikraj ke langit	27 Rejab
	Jumlah	76

Enam hari tersebut penting dalam kehidupan Rasulullah s.a.w. Jumlah 76 bila dirujuk kepada kedudukan surah al-Insan [Manusia] ia menduduki bilangan ke-76 daripada susunan surah-surah dalam Quran yang berjumlah 114 surah kesemuanya. Bukanlah perkara kebetulan kerana penentuan surah-surah dalam Quran telah disepakati ulama yang ia adalah secara tawqifi yakni menurut ketentuan. Ertinya susunannya seperti mana yang kita lihat sekarang ini dalam catatan mushaf adalah selaras dengan perintah dan wahyu dari Allah. Malaikat Jibril a.s apabila membawa satu atau beberapa ayat kepada Nabi s.a.w mengatakan: "Wahai Muhammad! Sesungguhnya Allah memerintahkan kepadamu untuk menempatkannya pada urutan

<sup>25</sup> Selanjutnya sila baca Fahmi Basya Hamdi, *Al-Quran Alam Semesta dan Matematika 2*, Pustaka Antara PT, Jakarta, 1990, hlm. 16.

<sup>26</sup> Syed Ameer Ali, *Sejarah Evolusi dan Keunggulan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 67. Tahun kelahiran Nabi s.a.w dikenali sebagai Tahun Gajah. Lihat Ibn Ishaq, *Kitab al-Siyar wa al-Maghazi*, tahkik Dr. Suhail Sukkar, Mu'asasah Ismailiyan, Qom, 1978, hlm. 48.

surah sekian.” Lalu Nabi s.a.w kemudiannya memerintah kepada penulis wahyu: “Letakkanlah pada urutan surah sekian selepas ayat sekian.”<sup>27</sup>


Berdasarkan simbolisme, berkemungkinan kita boleh merumuskan bahawa angka 76 itu adalah ‘kod manusia’, kerana menurut ilmu anatomi ruas jari-jemari tangan manusia dari pergelangan mempunyai 19 ruas, sementara ruas kaki dari buku lali hingga ke hujung jari jemari kaki juga terhitung sebanyak 19 ruas. Apabila dicampurkan 2 kaki dengan 2 tangan jumlahnya menjadi 76. Kelihatan bahawa ayat-ayat kosmos yang ada pada sebahagian diri manusia berkait rapat dengan ketetapan surah al-Insan dalam Quran yang diletakkan pada bilangan ke 76. Tentunya kita mengatakan bahawa antara alam langit yang menurunkan wahyu dan sifat wahyu itu sendiri [Quran] mempunyai kaitan langsung dengan makhluk yang dipertanggungjawabkan melaksanakan wahyu itu. Ertinya setiap sendi tulang milik manusia itu dipertanggungjawabkan dengan wahyu Allah, justeru saling keterikatan itulah maka manusia tidak harus berpaling daripada wahyu dalam apa jua kegiatan hidupnya.

Selain itu, Quran menjelaskan kepada kita ada tujuh ayat berasingan yang menyebut tujuh langit yang diciptakan Allah.

- (1) Surah al-Isra 17: 44. Maksudnya: “Bertasbihlah kepada-Nya langit yang tujuh serta bumi dan apa yang ada di antara keduanya”.
- (2) Surah Fussilat 41: 12. Maksudnya: “Maka dijadikan Allah tujuh langit dalam dua hari”.
- (3) Surah al-Talaq 65: 12. Maksudnya: “Allah mencipta tujuh langit dan bumi seperti itu juga”.
- (4) Surah al-Mulk 67: 3. Maksudnya: “[Allah] yang menciptakan tujuh langit secara berlapis-lapis [tibaqal]”.
- (5) Surah Nuh 71: 15. Maksudnya: “Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah menciptakan tujuh langit berlapis-lapis?”.
- (6) Surah al-Mukminun 23: 86. Maksudnya: Tanyakan: “Siapakah Tuhan yang memiliki dan mentadbirkan langit yang tujuh dan Tuhan yang mempunyai Arasy yang besar?”.
- (7) Surah al-Baqarah 2: 29. Maksudnya: “Dialah [Allah] yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Dia menuju dengan kehendak-Nya ke arah [bahan-bahan] langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna.”.

Simbolis dari wahyu itu dapat dirumuskan seperti berikut: bahawa jarak bumi ke langit yang ketujuh adalah tujuh sebagaimana di bawah:

<sup>27</sup> Perihal ketetapan dan kedudukan surah-surah dalam Quran ini sila baca Muhammad Ali al-Sabuni, *al-tibyan di ulum al-Qur’an*, Dar al-Qalam, Beirut, 1970, hlm. 59.



**Rajah 1** Jarak bumi dari langit

Secara konsepsinya, simbol tersebut cuba mengisyaratkan ada lingkungan yang jejarynya adalah tujuh dari bumi. Berdasarkan ilmu matematik keliling lingkaran itu dapat diketahui dengan rumus berikut:

- keliling lingkaran =  $2 \Pi R = 2 \times 22/7 \times R$ , [R = jejari].
- Jadi keliling lingkaran itu adalah  $2 \times 22/7 \times 7 = 44$ .<sup>28</sup>

Dalam Sirah Rasul pula kita temui dua tarikh penting yang langsung berhubungan dengan langit, iaitu:

(1) Nabi s.a.w menerima wahyu pada Ramadan	17
(2) Nabi s.a.w dimikrajkan pada Rejab	27
Jumlah	44

Kalau demikian kenyataan ini membawa simbolis tertentu, iaitu keliling lingkaran  $2 \Pi R$  dan kod langit 44. Bukanlah secara kebetulan bila kita perhatikan dalam Quran bilangan Surah ke 44 adalah Surah al-Dukhan [asap atau langit]. Allah menyebut bahawa langit itu pada waktu mula dipisahkan berupa dukhan [asap]. Jadi bahan asas langit itu sudah jelas kepada kita sebagai pernyataan bersifat simbolis. Firman-Nya:

*“Kemudian Dia [Allah] menuju kehendak-Nya ke arah [bahan-bahan] langit sedang langit itu masih berupa asap; lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: “turutlah kamu berdua akan perintah-Ku, sama ada dengan sukarela atau dengan terpaksa!”. Keduanya menjawab: ‘Kami berdua sedia menurut - patuh dengan sukarela’. [Fussilat 41: 11].*

<sup>28</sup> Fahmi Basya Hamdi, *Al-Quran Alam Semesta dan Matematika 2*, Pustaka Antara PT, Jakarta, 1990, hlm. 18.

*“Oleh itu tunggulah [wahai Muhammad] semasa langit membawa asap yang nyata”. [al-Dukhan 44: 10].*

Secara simbolis, kita tentukan kod langit 44, di sana secara langsung pula ia berkait dengan diri manusia, iaitu asal mula kejadiannya. Menurut ilmu genetik kromosom asas tubuh manusia juga berjumlah 44. Sel manusia mengandungi 46 kromosom yang lazimnya disusun secara berpasangan. 22 pasangan membentuk kromosom asas atau somatik. Satu pasang berbentuk kromosom seks. Pada lelaki ia terdiri daripada satu kromosom Y dan satu kromosom X, manakala pada perempuan ia terdiri dari dua kromosom X.<sup>29</sup> Dalam penjelasan yang lain spermatozoa yang matang tadi mempunyai 23 kromosom, 22 darinya autosom, satu kromosom seks. Oleh kerana sel induk sperma mempunyai 44 autosom, satu kromosom X dan satu kromosom Y, jadi apabila ia membahagi untuk membentuk spermatozoa, tiap-tiap satu darinya akan mempunyai 22 autosom dan satu kromosom X atau satu kromosom Y.<sup>30</sup>

Sekali lagi kelihatan kukuhnya kaitan antara simbolis kelangitan yang asal mula asap diletakkan dalam wahyu bertulis pada Surah ke 44, dan kromosom tubuh manusia pula berjumlah yang sama. Lebih menarik lagi, langit itu diwahyukan Allah dengan menyebut Dialah yang memberikan cahaya kepada langit dan bumi seperti mana firman-Nya:

*“Allah yang memberi nur [cahaya] kepada langit dan bumi”. [al-Nur 24: 35].*

Simbolis ini [hubungan antara langit dan bumi atau kejadian langit dan manusia] masih lagi kelihatan, iaitu pada kromosom Y [sperma lelaki] menunjukkan bintik terang [bercahaya] di pertengahan kepalanya, sebaliknya pada sperma perempuan yang mengandungi kromosom X tidak begitu.<sup>31</sup> Keadaan ini benar-benar mengisyaratkan kelebihan orang lelaki dari orang perempuan dalam setengah keadaan khususnya kepimpinan.

Secara simbolis juga kita melihat kromosom pada sel telur dari ibu adalah 22+1. 22 adalah kromosom tubuh dan 1 kromosom jenis X. Kromosom pada sel sperma dari bapa ialah 22+1. 22 adalah kromosom tubuh dan 1 kromosom jenis X atau Y. Ertinya ada sperma yang mempunyai kromosom X dan ada sperma yang mempunyai kromosom Y. Pertemuan sel telur dan sel sperma menghasilkan benih. Benih tersebut mewakili  $22+22 = 44$  kromosom tubuh. Kromosom jenis pada benih itu sama ada XX ataupun XY. Jika percantuman X dari lelaki dengan X dari perempuan menghasilkan bayi perempuan, dan jika X bercantum dengan Y menghasilkan bayi

<sup>29</sup> Muhammad Ali Albar, Op cit, hlm. 57.

<sup>30</sup> Derek Liewellyn Jones, Everywomen, terjemahan dengan judul Rahsia Wanita, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1986, hlm. 14.

<sup>31</sup> Ali Albar, Op cit, hlm. 30.



lelaki. Selaras dengan ini ternyata bahawa menurut hukum Islam keturunan seseorang itu ditetapkan dari sebelah bapa tidak dari sebelah ibunya.

Simbolis ini juga dapat diperhatikan dalam wahyu Quran dengan kedudukan Surah al-Haj. Surah ini merupakan Surah ke 22 dalam bilangan surah-surah Quran. Berhubung dengan itu ia ada juga pada ibadat Haji, yang antara lain mengulangi peristiwa masa lalu [keturunan masa lalu], mengingati sejarah rumah ibadat tertua yang dibina oleh Nabi Adam dan dibangunkan semula oleh Nabi Ibrahim.<sup>32</sup> Ia antara lain merupakan ingatan kepada keturunan Nabi-nabi terdahulu yang mengasaskan rumah ibadat tersebut dan simbolis ini kekal dalam roh ibadat ritual Haji dalam Islam.

## 10.0 SIMBOLIS SALAT DAN KOMBINASI PUTARAN BUMI

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, bahawa antara wahyu yang dibaca [Quran] dengan wahyu yang disifatkan sebagai 'Kitab Allah Terbuka' – yakni alam semesta, secara simbolisnya mempunyai kaitan yang tidak dapat di pisahkan. Kelihatan di sana ada keseimbangan dalam penurunan kedua-dua jenis wahyu tersebut. Sebagai contoh, kalimat *hayat* [hidup] diulang sebut oleh Quran sebanyak 145 kali dan seperti itu juga kalimat *al-maut*. Kekata *al-dunya* diulang sebut sebanyak 115 kali dan lafaz akhirat juga berjumlah 115 kali. Kekata malaikat diulang sebut 88 kali sedang kekata *syayatin* [para syaitan] disebut alam jumlah yang sama. Kekata *al-harr* [panas] sebanyak 4 kali dan kekata *al-bard* [sejuk] diulang dalam jumlah yang sama. Kekata *al-masa'ib* [musibah] disebut sebanyak 75 kali dan pasangan yang sepatutnya dilakukan bila terkena musibah ialah *al-syukr* juga terungkap 75 kali.<sup>33</sup>

Diperhatikan daripada keseimbangan tersebut ternyata bahawa wahyu yang dibaca sifatnya seimbang dalam ungkapanannya dan ulangan sebutannya. Secara simbolis juga dapat kita katakan bahawa wahyu yang berupa kitab terbuka juga seimbang di antara sesama mereka. Di samping kejadiannya yang berpasangan, keadaan ubudiyah yang berlaku antara makhluk ini juga memperlihatkan keselarasan menuju kepada satu kekuasaan tetapi dalam bentuk yang berbeza-beza. Quran menyebut:

“Dan bintang serta pepohonan bersujud [kepada Allah]”. [*al-Rahman* 55: 6].


Dalam salat gerhana terdapat dua kali rukuk pada setiap rakaat. Penulis kitab *Kifayat al-Akhyar* menyebut:

<sup>32</sup> Fahmi Basya Hamdi, *Al-Qur'an Alam Semesta dan Matematika 2*, Pustaka Antara PT, Jakarta, 1990, hlm. 20.

<sup>33</sup> Lihat Mustaffa Mahmud, *Rahsia al-Qur'an*, terjemahan, Victory Agencies, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 140-141.

*“Pada salat gerhana itu setiap rakaat dua kali berdiri; iaitu dengan memanjangkan bacaan Alquran pada kedua-dua berdiri itu. Shalat gerhana juga mempunyai dua kali rukuk pada setiap rakaat serta memanjangkan bacaan tasbih pada kedua-dua rukuk itu, tidak pada sujud”.*<sup>34</sup>

Berbeza dengan salat lainnya yang hanya satu rukuk pada setiap rakaat. Dua kali rukuk adalah dua kali gerak 90 darjah. Dua kali 90 darjah ialah 180 darjah. Dalam matematik sudut yang besarnya 180 darjah adalah sebuah garis lurus. Jadi secara langsung salat gerhana ini memperkatakan secara simbolis satu garis lurus. Hal ini bertepatan dengan penelitian para astronomi dan matematik bahawa gerhana tidak terjadi kalau tiga benda angkasa [matahari, bulan dan bumi] tidak terletak pada satu garis lurus.



Jadi salat gerhana secara simbolisnya benar-benar mempernyatakan garis lurus yang terdapat pada gerhana dan ini berlaku serentak dalam peroses pusingan masing-masing pada orbitnya. Kalau gerak rukuk memberi simbol 90 darjah, maka gerakan yang lain dapat dihitung. Kurang lebih gerak satu rakaat salat ialah 360 darjah atau gerak satu keliling.



Quran menyebut:

*“Dia yang memberikan salat ke atas kamu dan para malaikat-Nya untuk mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada nur [cahaya] dan Dia amat penyayang kepada orang-orang yang beriman”. [al-Ahzab 33: 43].*

<sup>34</sup> Lihat Taqiyuddin Abu Bakar bin Muhammad Alhusaini, *Kifayatul Akhyar*, terjemahan Syed Ahmad Semait et. al, Pustaka Nasional, Singapura, 1993, 1: 348. Lihat juga Muslim, *Sahih*, Bab Salat al-Kusuf, juzuk 3: 27-29.

Tegasnya gerakan satu rakaat secara simbolis sama dengan satu putaran, jadi sujud juga secara simbolisnya sama dengan berputar. Dalam Surah al-Rahman disebutkan:

*“Dan bintang serta pepohonan bersujud”. [al-Rahman 55: 6].*

‘Kesujudan’ bintang-bintang dapat diperhatikan pada putaran pada orbitnya, dan simbol kesujudan pokok pula dapat dilihat pada garisan-garisan batangnya.

Jika demikian, pusingan bumi juga bermakna ‘sujud’ kepada Tuhan, sama dengan manusia. Bintang-bintang dan pepohonan sujud kepada-Nya. Biarpun berlakunya kepelbagaian sujud itu, pernyataannya memperlihatkan kepatuhan makhluk tersebut kepada Penciptanya, iaitu Allah. Dengan berputar [berpusing] atau ‘salat’, maka secara simbolisnya bumi salat satu rakaat dalam sehari semalam, sebab sehari semalam bumi menghabiskan sekali putaran.<sup>35</sup> Akibat daripada ini terjadinya pertukaran dari gelap kepada terang [bercahaya]. Jadi salatnya bumi secara simbolisnya membawa cahaya kepada alam bumi. Bagaimana dengan salatnya manusia?. Tentunya amalan salat kepada manusia juga membawa konsep yang sama iaitu mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada sinar pertunjuk Allah [iman]. Benarlah firman-Nya yang secara simbolis mengungkapkan:

*“Dialah [Tuhan] yang memberikan salat kepada kamu dan para malaikat-Nya, untuk mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada cahaya yang terang. Dia amat penyayang kepada orang-orang yang beriman”. [Al-Ahzab 33: 43].*

Mereka yang tidak beriman [tidak menunaikan salat] tentunya tidak memperoleh cahaya tersebut. Kehidupan mereka pula tidak selaras dengan jujuk-jujuk alam yang lain dan dengan sendirinya kewujudan mereka bertentangan dengan kewujudan alam yang lain. Lantaran itulah Quran menyebut kehidupan mereka yang tidak beriman adalah membawa kerosakan [mufsidin] lantaran ingkarnya mereka kepada ketetapan Allah. Mereka yang tidak beriman itu juga tidak membawa apa-apa sumbangan kepada keserasian dalam gerakan alam yang menuju kepada satu pengabdian kepada Allah taala. Mereka dapat diibaratkan sebagai salah satu dari komponen roda alam yang secara simbolisnya tidak berfungsi menggerakkan ‘mesin’ alam semesta ini. Apabila hal ini berlaku, akhirnya alam akan musnah lantaran gerakannya terbantut atau terhenti.

Barangkali secara simbolis juga benarlah Hadis Nabi yang menyebut di akhir zaman nanti ketika berlakunya kiamat, tiada lagi mereka yang mengucapkan kalimat Allah.<sup>36</sup>

<sup>35</sup> Fahmi Basya Hamdi, Op cit, hlm. 26-27.

<sup>36</sup> Maksud Hadis: “Tidak berlaku kiamat hinggalah tiada diucapkan di bumi [kalimat] Allah, Allah”. Hadis sahih riwayat Ahmad dan Tirmidhi dari Anas. Lihat al-Suyuti, Jami’ al-Saghir, 2: 743, no. 9849.

Manusia pada waktu itu adalah sejahat-jahat manusia.<sup>37</sup> Mereka tidak lagi menyembah Allah. Ertinya gerakan kesatuan pusingan antara alam manusia dan alam semesta tidak lagi seragam. Dengan kata lain, terjadi antara manusia yang ditaklifikan wahyu kepadanya yang sepatutnya mengerti kedua-dua jenis wahyu yang bersifat simbolis [alam semesta] dengan wahyu yang bertulis telah tidak saling memper-kukuhkan, bahkan saling membelakangi. Itulah saatnya terjadi kehancuran yang besar.

## 11.0 KESIMPULAN

Sesungguhnya antara manusia, alam dan wahyu yang tertulis mempunyai keserasian dan keselarasan. Allah telah menentukan semua itu agar manusia dapat mengambil pertunjuk daripadanya. Adalah menjadi satu kezaliman kepada manusia meneroka alam semesta secara terpisah, iaitu dengan meninggalkan dan mem-belakangkan aspek wahyu sebagai satu juzuk dari rangkaian mata rantainya; panduan paling benar dalam mengurai-tafsirkan penerokaannya. Kedua-dua aspek wahyu itu kalau dipisahkan pasti mengundang kemudarat dan mala petaka kepada alam seluruhnya. Oleh itu wajar diketengahkan satu gagasan keserasian antara keduanya sebagai suatu konsepsi baru dalam memahami sains kini sehingga ia membudayai hidup manusia bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

## RUJUKAN

- A. Yusuf Ali. 1983. *The Holy Qur'an Text, Translation and Commentary*, Maryland: Amana Corp.
- Afzalur Rahman. 1981. *Quranic Science*, London: The Muslim Schools Trusts.
- Al-Allamah Ali bin Muhammad al-Sharif al-Jurjani. 1969. *Kitab al-Ta'rifat*, Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Bukhari. Tanpa tarikh. *Sahih al-Bukhari bi Hasyiah al-Sindi*, 4 juzuk. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Marbawi. Tanpa tarikh. *Qamus al-Marbawi*, 2 juzuk, Mesir: Isa al-babi al-Halabi.
- Al-Raghib al-Asfahani. 1997. *Mu'jam mufradat al-faz al-Qur'an*, tahkik Ibrahim Shamsuddin, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Suyuti, Imam Jalaluddin Abdulrahman. T.tp. *Jami' al-Saghir*, 2 jilid. Beirut: Dar al-Fikr.
- Derek Liewellyn Jones. 1986. *Everywomen*, terjemahan dengan judul Rahsia Wanita, Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Fahmi Basya Hamdi. 1990. *Al-Qur'an Alam Semesta dan Matematika 2*, Jakarta: Pustaka Antara PT.
- Ibn Manzur. T.th. *Lisan al-Arab*, 6 jilid, tahkik Abd Allah Ali al-Kabir et.al, Mesir: Dar al-Mu'arif.
- Ibn Ishaq, Kitab al-Siyar wa al-Maghazi, tahkik Dr. Suhail Zukkar, Qom: Mu'asasah Ismailiyan, 1978.
- M. Sastrapratedja. 1983. [editor], *Manusia Multi Dimensional Sebuah Renungan Filsafat*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Mehdi Golshani. 1986. *The Holy Qur'an and the Sciences of Nature*. Tehran: Islamic Propagation Organization.
- Muhammad Ali Akbar. 1992. *Perkembangan Manusia Menurut Al-Qur'an dan Hadith*, terjemahan Dr. Rusli Hj. Nordin. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.
- Muhammad Ali al-Sabuni. 1970. *al-tibyan di ulum al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi. 1986. *al-mu'jam al-mufahras li al-faz al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Rasyid Rida. 1983. *Wahyu Ilahi kepada Muhammad*, Terjemahan J. Saifudaulah al-Firdausy. Singapura: Pustaka Nasional.

<sup>37</sup> Maksud Hadis: "Tidak berlaku kiamat kecuali atas sejahat-jahat manusia". Ibid, Hadis no. 9850.

- Murtada Muttahari. T.th. *al-mafhum al-tawhidi lil alam*. Tehran: Mu'asasah al-Bi'thah.
- Muslim, Abi al-Husayn. T.th. *Sahih Muslim*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustaffa Mahmud. 1989. *Rahsia al-Qur'an*, terjemahan. Kuala Lumpur: Victory Agencies.
- Ramli Awang. 1991. "Perutusan Rasulullah s.a.w dan Ketulinan Akidah" dalam *Al-Risalah*, Majalah Jabatan Pendidikan Islam, FPPSM, UTM Skudai, bil. 4 tahun 2, 1991/92, hlm. 3.
- Sayed Hossein Nasr. 1992. *Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam*, terjemahan Baharuddin Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Syed Ameer Ali, Sejarah Evolusi dan Keunggulan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Shahibuddin Laming. 1993. *Cosmology in the Qur'an*. Kuala Lumpur: Nurin Enrerprise.
- Taqiyuddin Abu Bakar bin Muhammad Alhusaini. 1993. *Kifayatul Akhyar*, terjemahan Syed Ahmad Semait et.al. Singapura: Pustaka Nasional.
- Wallace I Matson. 1987. *A New History of Philosophy*, 2 vol. San Diego: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Zakaria Awang Soh. 1990. *Kejadian dan Keadaan Alam Semesta*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.